

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 22 JUN 2005, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 26**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 165-100207  
**Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian menyediakan insuran perlindungan untuk orang kurang upaya. Sekiranya ada, nyatakan jenis insuran tersebut dan statistik mengikut jantina.
2. 9-100770  
**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Ariffin [ Jerlun ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
  - (a) adakah sistem cabut undi yang dilakukan oleh Pejabat-pejabat Jurutera Daerah kepada projek-projek kecil luar bandar untuk kontraktor kelas 'F' merupakan kaedah terbaik; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang kaedah lain yang boleh melibatkan Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing.
3. 11-100992  
**Dato' Haji Ghazali Bin Ibrahim [ Padang Terap ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah di antara perkara-perkara utama yang akan dimasukkan di dalam akta pembangunan belia. Siapakah yang akan diberi tanggungjawab untuk menggubal akta berkenaan.
4. 34-100184  
**Dato' Razali Bin Ismail [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan volume perdagangan semasa antara Malaysia dengan Iran dan apakah perkembangan lanjut daripada Program IMEX'05 (Iran - Malaysian Industry Exchange) yang berlangsung pada 13-16 Mei yang lalu.

5. 74-100473  
**Tuan Haji Ismail Bin Abd Mutalib [ Maran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis saham-saham amanah yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Institusi Kewangan di seluruh negara. Apakah saham-saham amanah ini menguntungkan pihak pelabur dan tindakan yang telah sedang dan akan diambil oleh Kerajaan dalam membantu memulihkan harga-harga saham amanah yang rata-rata amat rendah dan merugikan.
6. 142-100113  
**Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memasukkan Pendidikan Pencegahan HIV/AIDS sebagai sebahagian program latihan PLKN.
7. 121-100136  
**Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [ Jasin ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan untuk membantu membangunkan Industri Filem tempatan selepas E-Village di Dengkil yang dilancarkan pada tahun 2002 bernilai RM3 billion gagal.
8. 157-100706  
**Datuk Juslie Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian menjalankan kajian bahawa asimilasi pendidikan dapat mengubah segala-galanya merupakan tindakan yang tepat contohnya penyatuan bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan sekolah kebangsaan, madrasah atau sistem pendidikan vernakular independen sebagai penyelesaiannya.
9. 71-100564  
**Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan selaras dengan dasar Kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai penjana ekonomi negara, apakah langkah Kementerian dalam menangani masalah pengagihan tanah kepada petani dan usahawan yang berminat. Sejauh manakah masalah ini dapat diselaraskan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui proses pengislahan legislatif.
10. 96-100255  
**Tuan Loh Seng Kok [ Kelana Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai bilangan kursus-kursus IPT luar negeri (mengikut IPTA dan IPTS negara berkenaan) yang diiktiraf atau tidak diiktiraf oleh JPA. Apakah semua kursus luar negeri yang diiktiraf JPA itu telah diakreditasikan oleh LAN.
11. 21-100979  
**Tuan Haji Md. Alwi Bin Che Ahmad [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan berhasrat untuk meneruskan usaha menyambung perkhidmatan Pegawai Kanan Kerajaan yang sepatutnya bersara, tetapi terus berkhidmat atas alasan keperluan negara. Sila nyatakan kriteria-kriteria penyambungan.

12. 114-100292  
**Datuk Haji Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan Akta yang ada untuk mengawal penyalahgunaan kemudahan teknologi seperti penyebaran fitnah melalui SMS (Sistem Pesanan Ringkas) dan internet. Tidakkah pengguna dimestikan mendaftar nama dan alamat sebelum membuat pembelian "Prepaid Card".
13. 149-101015  
**Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara kepada institusi kewangan sebelum mereka dibenarkan menawarkan perkhidmatan kad kredit. Adakah pihak Kementerian berhasrat memperketatkan syarat-syarat pemberian kad kredit kepada orang awam dan bilakah ianya akan dilaksanakan.
14. 203-100838  
**Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dilakukan untuk memperkembangkan sektor pertanian melalui pembukaan tanah bagi tujuan pembangunan pertanian.
15. 81-100542  
**Dato' Yap Pian Hon [ Serdang ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) mengapakah Kementerian mendefinisikan semula kadar caj air dari Kod 18 ke Kod 17 untuk pangsapuri tanpa pengetahuan penduduk-penduduknya; dan
  - (b) sama ada pihak SYABAS telah menerima bantahan daripada penghuni pangsapuri yang terlibat terhadap perubahan berkenaan.
16. 219-101239  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa Unit Risk Management KWSP tidak aktif sejak Tan Sri Halim Ali mengambil alih jawatan Pengerusi KWSP. Berapakah yang dibiayai oleh KWSP untuk mendapatkan nasihat servis konsultansi kewangan swasta dan Fund Manager.
17. 25-100194  
**Tuan Mohd. Razali Bin Che Mamat [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah terkini yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang ada di luar bandar di seluruh negara dan tanah-tanah terbiar.

18. 69-100505  
**Dato' Liow Tiong Lai [ Bentong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
- (a) bilangan pekerja yang telah dilatih dan jumlah wang yang digunakan oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia dalam tahun 2002, 2003 dan 2004; dan
  - (b) adakah Kerajaan akan mengkaji semula insentif yang diberikan untuk menggalak pengusaha IKS melatih pekerja mereka.
19. 163-100235  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana seriusnya kerosakan tanda-tanda sempadan antarabangsa Malaysia /Indonesia akibat pembalakan haram. Berapa kerugian dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan.
20. 134-100785  
**Tuan Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pembelian 'Syarikat Lotus' oleh PROTON telah menambahbaikkan kualiti PROTON dan membantu meluaskan pasaran antarabangsanya.
21. 126-101199  
**Dato' Chua Jui Meng [ Bakri ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan:-
- (a) adakah masalah kekurangan minyak diesel telah diselesaikan dan tidak akan berlaku lagi kekurangan yang hampir melumpuhkan pengangkutan komersial negara seperti yang berlaku baru-baru ini; dan
  - (b) adakah pembekalan diesel kepada nelayan mencukupi.
22. 103-100573  
**Dato' Suhaili Bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian ke arah merealisasikan Labuan sebagai Pusat Pendidikan Cemerlang atau "Centre of Education Excellence".
23. 106-101192  
**Datuk Haji Astaman Bin Abdul Aziz [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk peralatan dan bantuan kewangan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti sukan untuk remaja dan Persatuan Belia di setiap kawasan Parlimen. Apakah langkah-langkah KBS dalam membangunkan sukan untuk masyarakat selain daripada tumpuan kepada jenis-jenis sukan yang telah dikenal pasti oleh Majlis Sukan Negara.

24. 160-100946  
**Tuan Shim Paw Fatt [ Tawau ]** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu dan memulihkan penagih dadah dan seterusnya mendapatkan mereka pekerjaan supaya mereka tidak terjebak dalam gejala penagihan dadah dan jenayah.
25. 92-100330  
**Datuk Dr. Rahman Bin Ismail [ Gombak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan proaktif yang telah dilaksanakan di dalam mengurangkan kerenah birokrasi pentadbiran Kerajaan.
26. 218-101157  
**Tuan Chong Hon Min [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah sistem penyampaian mutu perkhidmatan dapat diterima oleh rakyat di hospital dan klinik Kerajaan setakat ini.
27. 156-100274  
**Datuk Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini cadangan memperbesar dan menaik taraf kemudahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Sejauh mana projek ini diutamakan perlaksanaannya oleh Kerajaan.
28. 14-101136  
**Dato' Paduka Haji Badruddin Bin Amiruldin [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah masyarakat Malaysia menerima Islam Hadhari terutama sekali masyarakat bukan Islam. Apakah penerangan dan penjelasan tentang Islam Hadhari ini mencukupi.
29. 32-100989  
**Tuan Mohamed Yusop Bin Majid [ Setiu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pandangan dan cadangan Kementerian terhadap sekolah-sekolah agama milik Kerajaan negeri yang tidak terurus dengan baik sehingga membebankan pelajar-pelajar berbanding sekolah harian Kerajaan Pusat yang begitu baik sekali terutamanya dari aspek keselamatan dan prasarana sekolah dan bilakah tindakan tegas dapat diambil ke atas sekolah dan jabatan yang terbabit.
30. 207-100555  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan strategi dan taktik yang berkesan untuk mengawal harga barangan yang begitu tinggi, kenaikan harga minyak, subsidi diesel dan desakan pasaran.
31. 191-100226  
**Dato' Jacob Dungau Sagan [ Baram ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk memantau Institusi/Kolej Swasta yang menjalankan kursus Diploma atau Master of Business Administration yang tidak disahkan oleh LAN (Lembaga Akreditasi Negara) memandangkan ramai pelajar yang telah ditipu.

32. 187-100696  
**Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap ketelusan pentadbiran Kerajaan. Sila bagi senarai pihak yang berkuasa termasuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan implimentasi tindakan ini.
33. 195-101072  
**Tuan Jelaing Mersat [ Saratok ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah orang miskin tegar di bandar dan di luar bandar di Sarawak.
34. 168-100580  
**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah strategik Kerajaan dalam usaha memperkembang dan memantapkan Islam Hadhari secara berkesan agar lapisan masyarakat dapat menerima, memahami dan dapat menghayati sepenuhnya.
35. 155-100451  
**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Bin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab mengapakah dibenarkan kelonggaran peraturan kepada orang-orang asing membolehkan mereka pula bekerja di Malaysia hanya dengan "visitors' social pass".
36. 201-100370  
**Tuan Haji Abdul Fatah Bin Harun [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapakah prestasi keunggulan akademik di kalangan universiti-universiti tempatan semakin merosot berbanding dengan universiti-universiti di negara jiran.
37. 72-100732  
**Tuan Muhamad Shahrom Bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menjelaskan dasar dan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara kepada penduduk-penduduk kampung supaya mereka faham dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada dasar tersebut.
38. 199-100671  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab KWSP membuat keputusan melabur sebahagian dananya di luar negara.
39. 220-100707  
**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan program pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana berasaskan sumber pertanian terhadap usahawan bumiputra.

40. 150-100521  
**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang kewujudan jurang perbezaan pemilikan ekuiti di kalangan pelbagai etnik dalam masyarakat Bumiputera yang dikatakan semakin melebar dan apakah langkah-langkah positif yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
41. 146-100677  
**Ir. Hasni Bin Haji Mohammad [ Pontian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap penerimaan masyarakat yang bukan beragama Islam dalam dan luar negara mengenai konsep Islam Hadhari yang dipelopori oleh Kerajaan pada masa kini.
42. 13-101224  
**Tuan Hashim Bin Jahaya [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan intipati rancangan Buku Hijau dan apakah langkah-langkah yang akan dan/atau telah diambil oleh Kementerian bagi merealisasikan rancangan Buku Hijau tersebut untuk memartabatkan sektor pertanian moden negara.
43. 137-100875  
**Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mempertingkatkan operasinya bagi memastikan para pelanggan tidak tertipu oleh para peniaga semasa diadakan jualan mega di seluruh negara.
44. 216-100032  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan membatalkan sokongan kepada Jepun untuk menjadi Ahli Tetap Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sama ada Kerajaan ada menerima sebarang bantahan daripada pertubuhan dan rakyat Malaysia.
45. 173-100046  
**Datuk Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- (a) semenjak program "satu kampung satu produk" diperkenalkan, apakah kejayaan setakat ini, di manakah program ini telah dilaksanakan, apakah kelemahan yang didapati dan bagaimana penyelesaiannya; dan
  - (b) adakah pendekatan lain yang dirancang atau ada contoh luaran diguna pakai. Adakah tindakan bersepadu yang di ambil kalau tidak kenapa.

46. 189-100382  
**Datuk Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengambil para pelajar daripada Kolej Kejururawatan Swasta supaya dapat berkhidmat terus dengan Kementerian; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian juga berhasrat untuk mengambil jururawat asing dari luar memandangkan tenaga jururawat masih banyak diperlukan di negara kita.
47. 68-100856  
**Dato' Mohd Sarit Bin Haji Yusoh [ Temerloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan mengawal inflasi dalam keadaan harga minyak yang tinggi dan dijangka akan terus meningkat dan kejatuhan nilai ringgit berikutan kemerosotan nilai US dollar pada masa kini.
48. 217-101014  
**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) nyatakan polisi baru Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung dengan pemberian pinjaman kepada pelajar di Rusia dan Ukraine; dan
  - (b) nyatakan jumlah biasiswa yang diberi kepada pelajar di Rusia dan Ukraine dan pecahan pelajar mengikut bangsa sejak 5 tahun lepas.
49. 179-101132  
**Tuan Jimmy Donald [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji semula skim Rukun Tetangga supaya ia dapat diperluaskan ke pedalaman di seluruh negara, lebih-lebih lagi di Sarawak dan Sabah supaya rakyat dapat menghayati isu-isu perpaduan dan adakah Kerajaan berhasrat menambah lagi peruntukan kewangan KRT supaya aktiviti-aktiviti mereka dapat dipelbagaikan dan kalau tidak apakah kaedah-kaedah yang akan dipergunakan untuk mencapai objektif-objektif yang sama.
50. 3-100517  
**Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed Putra Jamalullail [ Arau ]** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian bercadang untuk menerapkan budaya berbudi bahasa dan budaya senyum kepada pegawai-pegawai kita terutamanya yang bertugas dibarisan hadapan seperti pintu masuk negara dan kedutaan-kedutaan. Kempen-kempen ini bukan hanya sekadar di lencana sahaja, tetapi dizahirkan dengan riak muka yang ikhlas.

51. 206-101099  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apa yang telah dilakukan oleh Kementerian berhubung tiga aduan oleh Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaysia (PKAUM) mengenai perkara yang tidak kena (irregularities) dalam proses menentukan kenaikan pangkat akademik, pengubahan (tampering) markah peperiksaan dan dakwaan rasuah di kolej-kolej.
52. 38-100120  
**Tuan Ahmad Shabery Bin Cheek [ Kemaman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) berapa banyakkah kes perceraian seluruh negara mengikut negeri-negeri; dan
  - (b) berapa banyakkah kes bekas suami dilaporkan gagal membayar nafkah anak yang ditanggung oleh bekas isterinya dan apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka (suami) yang ingkar ini.
53. 136-100802  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mengambil kira dan memberi kelebihan kepada peserta-peserta PLKN di dalam memberi peluang untuk belajar di Universiti tempatan terutamanya dalam kursus-kursus kritikal seperti perubatan dan sebagainya.
54. 15-101080  
**Dato' Dr. Wan Azmi Bin Wan Ariffin [ Sik ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengenalpasti teknik-teknik mengesan, mengawal dan mengatasi masalah serangan penyakit terhadap tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.
55. 144-100937  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamad [ Pulai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengenai agenda Malaysia pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Vientiane pada bulan Julai depan.
56. 100-100025  
**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Segambut ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah benar atau tidak syarikat UEM diberi projek sambungan landasan berkembar Rawang-Ipoh dan bila projek ini boleh disiapkan.
57. 95-100436  
**Tuan Lau Yeng Peng [ Puchong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik lengkap bagi menunjukkan kesan kelewatan kemasukan semula pekerja asing terhadap kelembapan pertumbuhan sektor pembinaan iaitu kemerosotan sebanyak 2.4%.

58. 167-100312  
**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf tali air di kawasan Parlimen Tenom terutamanya di kawasan penanaman padi sawah Makakumpai, Melalap dan Kuala Tomani.
59. 66-101320  
**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah Binti Sulaiman [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi yang dirangka oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi negara dalam mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru, perniagaan baru dan pembangunan harta baru dalam konteks ekonomi progresif dan seimbang (balanced)
60. 62-101181  
**Brig Jen (B) Datuk Seri Abd Hamid Ngah @ Zainal Abidin [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara yang telah mengikuti program tersebut semenjak ianya diperkenalkan dan adakah Kementerian membuat kajian keberkesanan terhadap mereka.
61. 110-101298  
**Dato' Goh Siow Huat [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Organisasi Rukun Tetangga di setiap tempat yang mempunyai Balai Raya di seluruh negara ini.
62. 164-100955  
**Tuan Donald Peter Mojuntin [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Bintulu Gas Complex menghasilkan "LNG" untuk dieksport dan jikalau ada, berapa banyak/jumlah dan di manakah ia dieksportkan.
63. 91-101081  
**Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan di setiap kawasan Parlimen yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen di mana ianya bertujuan untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan segala projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.
64. 76-100409  
**Datuk Ismail Sabri Bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melantik perunding bebas (seperti MRR2) bagi mengkaji sebab-sebab kerapnya berlaku kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur (LPT).
65. 202-101053  
**Tuan Lim Hock Seng [ Bagan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Cina di SRJK (C) dan kemudian pula di sekolah kebangsaan.

### ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 9/2005) Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”**. [ 21 Jun 2005]
2. (D.R. 13/2005) Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 12/2005) Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 “

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10 (4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

“ Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras, Jabatan Kastam Diraja Malaysia ”.

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

‘ Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)’

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10 (4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

“ Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara ”

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

‘ Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan (TBP)’

8. 206-100061

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menghargai usaha Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Diraja demi memperkasakan operasi dan pengurusan Polis Diraja Malaysia kerana menghasilkan laporannya dan mengambil keputusan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan untuk menyelia pelaksanaan 125 cadangannya demi mentransformasikan Polis Diraja Malaysia menjadi perkhidmatan polis yang berkesan, bersih, beramanah, bertaraf antarabangsa serta berstatus abad-21 yang menghormati hak asasi manusia".

9. 150-100568

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa dewan ini mengambil berat terhadap kewujudan 'Documentary citizenship' di negeri Sabah yang telah wujud akibat kelemahan dalam sistem pendokumentasian kewarganegaraan di negara ini dan juga kewujudan sindiket yang melibatkan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara dan juga individu daripada luar yang telah mengambil kesempatan mengaut keuntungan memberi dokumen-dokumen kewarganegaraan kepada orang-orang asing yang tidak layak mendapatkan kewarganegaraan. Sehubungan dengan itu Dewan ini juga bersetuju supaya Kerajaan menubuhkan suatu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji bagaimana pendokumentasian kewarganegaraan dapat diperbaiki sehinggalah setanding dengan sistem yang diamalkan di negara-negara maju.”

10. 206-100062

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian bahawa selama 20 bulan perjawatan YAB Perdana Menteri ini masih tidak menampakkan pencapaian yang besar yang dapat menunaikan janjinya untuk membentuk sebuah pentadbiran yang bersih,tidak korup, bertanggungjawab, berkesan, beramanah, berjiwa rakyat, progresif dan demokratik, mengambil keputusan bahawa satu laporan kemajuan dua tahun mengenai penjawatan YAB Perdana Menteri harus dibentangkan di Parlimen pada 1 November 2005 supaya satu perbahasan Parlimen yang menyeluruh dapat dijalankan.”

11. 150-100605

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil pandangan yang amat serius tentang pencapaian peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan rendah di kesemua 26 Daerah Pendidikan di Sabah berbanding dengan negeri-negeri lain dan daerah-daerah pendidikan yang lain di seluruh negara. Dan Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk memperbaiki keadaan tersebut.”

12. **Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Ipoh Timur YB. Tuan Lim Kit Siang untuk membawa suatu Rang Undang-undang daripada ahli yang bukan Ahli Kerajaan bertajuk Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005”.

13. 173-100059

**Datuk Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

“Ada fakta-fakta yang tertentu menunjukkan bahawa kemasukan pelajar-pelajar lelaki ke Institusi Pengajian Tinggi menurun dari tahun ke tahun. Dalam masa yang sama graduan wanita yang banyak keluar dari universiti telah menjana kepada jumlah yang terbesar dari siswazah yang menganggur.

Dalam keadaan yang pertama, Kerajaan tidak mempunyai satu jawapan untuk menyelesaikan masalah agar perimbangan kemasukan pelajar lelaki dan wanita ke Institusi Pengajian Tinggi dengan tidak menjejaskan dasar meritokrasi yang ada. Dalam situasi yang kedua Kerajaan mengambil jalan mudah untuk memuas citarasa konsisten dengan program yang membazirkan.

Dewan ini digesa untuk membuat satu ketetapan untuk mendorong Kerajaan agar digubalkan satu dasar yang komprehensif, berpatutan untuk jangka panjang yang boleh menghasil graduan di kalangan semua jantina dalam jangka masa yang singkat ini.”

14. 150-100572

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memandang serius keadaan pekan-pekan dan pusat-pusat bandaraya yang kotor akibat daripada sikap dan amalan masyarakat yang membuang sampah di merata-rata tempat dan juga kegagalan pihak berkuasa tempatan untuk menguatkuasa undang-undang anti pembuang sampah. Dewan ini juga mendesak pihak Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah segera untuk melaksanakan pendidikan

sosial kepada masyarakat yang berkesan dengan menggunakan media-media yang bersesuaian.”

15. 150-100559

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan menyusun semula Organisasi FAMA Negeri Sabah dengan memberi peruntukan yang besar dan mencukupi dalam RMK-9 untuk membiayai program-program pemasaran yang melibatkan komoditi hasil pertanian luar bandar sama ada sebagai bahan mentah ataupun diproses yang beroperasi dan yang mempunyai pasaran domestik, nasional dan antarabangsa dan seterusnya melibatkandakan bilangan kakitangan FAMA Negeri Sabah daripada yang ada sekarang untuk mengurus program-program pemasaran yang strategik dan kritikal termasuklah menjalankan MARKET RESEARCH AND SURVEY seterusnya memastikan supaya FAMA dapat beroperasi di setiap daerah di Sabah dengan kakitangan yang mencukupi."

16. 163-100251

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh persatuan ibu-bapa dan guru-guru (PIBG) di lebih daripada 10,000 sekolah di seluruh negara adalah amat penting dalam pembangunan pendidikan negara.

Dan mengambil maklum bahawa peranan yang dimainkan oleh PIBG boleh diperluaskan lagi seperti terlibat secara langsung dalam kempen budi bahasa budaya kita, kempen nilai-nilai murni, kempen anti dadah dan anti merokok dan lain-lain lagi sekiranya mereka mendapat sumber kewangan yang lebih.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan dana khas ataupun "Annual Grant" kepada setiap PIBG di seluruh negara agar mereka juga dapat menyumbang peranan dalam pembentukan generasi Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang."

17. 207-100557

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan kenaikan harga barangan dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan terutamanya selepas kenaikan harga diesel dan petrol. Bahawa Dewan juga mahu memperbincangkan kesan-kesan usaha Kerajaan menyeimbangkan bajet, menangani subsidi dan mengawal harga barangan yang melambung tinggi."

18. 150-100553

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Wilayah yang akan mengkaji dan menilai tahap pembangunan ekonomi dan sosial Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri kurang maju berbanding dengan negeri-negeri maju. Perhatian khusus akan diberikan kepada kajian keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi, program-program dan sistem penyampaian Kerajaan yang melibatkan Kementerian, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan persekutuan dan negeri khususnya yang ada kaitan dengan pembangunan wilayah. Perhubungan jentera Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan Perkhidmatan Awam Negeri akan diberi tumpuan terutama sekali perundangan-perundangan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan program dan projek pembangunan di negara ini dengan tujuan merapatkan lagi jurang pembangunan wilayah."

19. 173-100058

**Datuk Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

Gejala sosial di kalangan belia di negara ini masih menular. Tindakan Kerajaan telah mendorong Kementerian Belia dan Sukan kepada memperkasakan agenda sukan daripada memberi tekanan kepada pembelaan nasib dan pembangunan belia. Pendekatan Kementerian Belia dan Sukan kepada pembangunan dan pembelaan belia juga tidak teratur dan sistematik. Perimbangan pembangunan prasarana dan perisian juga kurang betul dan tepat.

Dewan yang mulia ini digesa untuk mengambil kedudukan agar dasar belia negara dikaji semula dan pelaksanaan dasar tersebut di beri nafas baru yang lebih dinamik dan berkesan.

20. 214-100829

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong hasrat dan seruan Kerajaan agar masyarakat antarabangsa iaitu negara Barat yang berpengaruh, khususnya kuasa-kuasa besar mengambil pendekatan reformasi aman di negara umat islam melalui tindakan pelbagai hala, dialog dan bukannya tindakan unilateral, penindasan dan kekerasan. Sehubungan itu Dewan ini mendesak Kerajaan memainkan peranan utama dan positif dalam reformasi pembangunan hak-hak asasi rakyat dan pembinaan demokrasi yang lebih mantap di negara ini terutama bagi menjamin peranan parti pemerintah dan persaingan sihat dengan parti-parti politik pembangkang, selaras dalam dengan seruan reformasi dan pendekatan global secara aman di peringkat masyarakat antarabangsa. Justeru, pihak Kerajaan

tidak boleh lagi bersikap 'double standard' malah memerlukan suatu komitmen dan keazaman politik bagi segera menghentikan pelbagai tindakan melampau dan mengambil kesempatan bertujuan mengekalkan kuasa dengan berselindung di sebalik pelaksanaan undang-undang lapuk seperti ISA, Akta Cetak, Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan sebagainya.

21. 150-100563

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya PETRONAS membuat pelaburan di pelbagai sektor di Sabah sejajar dengan kedudukan Sabah sebagai salah satu daripada pengeluar minyak petroleum negara. Pelaburan yang dimaksudkan termasuklah industri hiliran minyak petroleum dan gas, bidang pelancongan, pembangunan hartanah, pembangunan pendidikan untuk membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri Sabah yang mampan ke arah mencapai status negeri maju bagi SABAH sejajar dengan Wawasan 2020, MENJELANG TAHUN 2020. Dewan ini juga harus membuat perakuan kepada Kerajaan bahawa negeri Sabah tidak terus menerus menjadi negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi sedangkan Sabah adalah pengeluar minyak petroleum.”

22. 173-100057

**Datuk Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

“Tuntutan agama, budaya dan kontrak sosial menarik pelbagai hala tuntutan mirip kepada kepentingan kelompok-kelompok yang tertentu. Dalam episod itu bangkit pejuang-pejuang (champions) yang mempunyai agenda politik, sosial dan peribadi untuk kepentingan sendiri, kelompok dan kumpulan yang diwakilinya;

Demi faedah bersama dan kepentingan politik semasa "trade-off" yang nampaknya sebagai mengenyepikan pelaksanaan program perpaduan jangka panjang. Ada unsur-unsur yang menunjukkan bahawa Pejuang-pejuang (champions) ini kurang minat untuk "berkorban" dan bertolak ansur demi perpaduan dan negara.

Dewan ini digesa agar Kerajaan bersikap tegas dan jangan berkompromi atas sebab jangka pendek untuk kemakmuran, perpaduan dan keharmonian negara dalam jangka panjang.”

23. 168-100604

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini hendaklah mengambil tindakan strategik dan berkesan untuk mengatasi penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di kalangan pelajar-pelajar di kawasan Pensiangan yang masih di tahap yang rendah.”

24. 150-100598

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini amat prihatin dan memandang serius terhadap kewujudan begitu banyak kampung-kampung di negeri Sabah yang belum lagi mendapat kemudahan asas terutama sekali bekalan letrik, bekalan air bersih dan jalan kampung serta prasarana sekolah rendah yang serba daif dan kekurangan termasuk ketidakwujudan kemudahan Tadika setelah lebih 40 tahun merdeka melalui pembentukan Persekutuan Malaysia. Dewan ini juga memperakui bahawa keadilan sosial harus ditegakkan dengan memberi peruntukan kewangan yang mencukupi dan melaksanakan dengan penuh berhemah. Ini bererti peruntukan yang mencukupi hendaklah diberikan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

25. 214-100835

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan biadap iaitu penghinaan terhadap kesucian Al-Quran oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat dalam layanannya terhadap tahanan muslim di Pusat Tahanan Guantamano. Dewan ini juga mendesak Kerajaan Amerika Syarikat mendedahkan sepenuhnya sebab-sebab dan punca-punca tragedi hitam berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang bertanggungjawab. Sehubungan itu Dewan ini juga mendesak Kerajaan atas nama OIC mengambil tindakan membebaskan semua tahanan muslim di Guantanamo dan Abu Gharib ekoran pencerobohan Amerika Syarikat di Afghanistan dan Iraq."

26. 209-101226

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan yang telah dihentikan selama 40 tahun oleh Kerajaan demi memperkasakan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

27. 150-100565

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan meminta Kerajaan mengkaji sejauh mana keberkesanan strategi-strategi dan program-program di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) khususnya terhadap dasar pencapaian 30% ekuiti Bumiputera di sektor korporat dan juga bagaimana DEB

mempastikan agar pengagihan di antara pelbagai komuniti Bumiputera terutama sekali jurang perbezaan pemilikan ekuiti di antara orang Melayu di Semenanjung dengan Bumiputera Minoriti di Sabah dan Sarawak dapat dirapatkan. Kajian ini juga akan meneliti sama ada wajar atau tidak diwujudkan satu Kementerian mengawalselia pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan program Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera Minoriti.”

28. 150-100584

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap kualiti pendidikan yang diberi kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikatakan semakin menurun sekaligus mengakibatkan 'unemployability' graduan kita. Keadaan ini boleh menjadi satu masalah sosial yang amat merugikan dan membebankan rakyat dan Kerajaan sekiranya tidak ditangani. Di samping itu jika soal kualiti pendidikan itu tidak ditangani dengan baik maka hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan akan terjejas. “

29. 168-100607

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil serius terhadap rakyat Malaysia yang tinggal berhampiran sempadan Malaysia - Indonesia di kawasan Pensiangan yang tidak memiliki kad pengenalan atau Mykad. Sekiranya ini tidak diatasi dengan secepat mungkin oleh Kerajaan, maka mungkin rakyat Malaysia ini akan menjadi pelarian atau pendatang tanpa izin di bumi sendiri.

30. 209-101232

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyeru Kementerian pendidikan supaya melaksanakan mata pelajaran pelbagai kaum untuk mempelajari agama mereka masing-masing di sekolah sebagai langkah untuk membina akhlak dan mencegah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sekolah."

31. 217-101028

**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa dewan ini mengambil satu ketetapan untuk mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam menukar minda (mind set) dan mengambil lebih ramai orang bukan melayu bekerja dalam sektor awam kerana sehingga ini JPA gagal berbuat demikian.”

32. 217-101031  
**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mengarahkan Kerajaan menolong pencapaian keamanan di antara LTTE dan Kerajaan Sri Lanka dengan segera.

33. 209-101223  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan stesyen televisyen untuk mengadakan siaran langsung Dewan Rakyat supaya rakyat boleh mengetahui ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

34. 150-100558  
**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Pelbagai Parti Mengenai Pelarian Filipina di Sabah yang dianggotai setiap parti politik yang mempunyai Ahli Parlimen di Dewan Rakyat untuk mengkaji dasar-dasar dan strategi-strategi pengurusan kehadiran mereka di Sabah dan meneliti perundangan antarabangsa khususnya United Nation Protocol on Refugees 1952 dan perundangan negara dan antarabangsa yang berkaitan demi mencari penyelesaian muktamad terhadap kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudahpun berada di Sabah sejak tahun 1972 ataupun lebih 30 tahun yakni sudah satu generasi dan tidak berkesudahan."

35. 207-100556  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekurang-kurangnya tiga hari. Dewan ini hendaklah mengetahui bagaimana Kerajaan akan menjayakan 125 syor laporan tersebut mengikut jadual dalam tempoh lima tahun yang ditetapkan agar PDRM mencapai taraf dunia."

36. 150-100602

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Dewan ini memperakui hasrat Kerajaan Barisan Nasional untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan oleh itu Dewan ini meminta Kerajaan supaya menyatakan dengan jelas apakah strategi-strategi serta program-program yang berwibawa untuk benar-benar mencapai hasrat tersebut. Dengan itu kecemerlangan harus dibudayakan dalam sistem pendidikan negara. Disamping itu satu sistem pemantauan, penilaian serta pengukuran kejayaan kita ke arah itu hendaklah dibentang di Dewan yang mulia ini untuk perbahasan dan kelulusan."

37. 168-100601

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius dan perlu mengambil langkah-langkah drastik terhadap kekurangan air bersih yang selamat digunakan di kawasan Pensiangan. Sekiranya ini tidak dapat di atasi maka penderitaan rakyat di kawasan ini akan berterusan. Oleh itu Dewan ini hendaklah membuat ketetapan meminta Kerajaan untuk menyelesaikan isu air ini dengan segera."

38. 150-100592

**Tuan Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius dakwaan sesetengah pihak kononnya pengagihan jawatan di Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang dikatakan tidak lagi mencerminkan komposisi kaum yang majmuk di negeri tersebut. Keadaan ini akan memberi implikasi terhadap perpaduan dan keharmonian kaum jika tidak ditangani dengan baik. Disamping itu Dewan ini juga memandang serius tentang bilangan kakitangan awam daripada Sabah dan Sarawak yang memegang jawatan Ketua Setiusaha, Timbalan Ketua Setiusaha dan Ketua Pengarah Persekutuan yang terlalu rendah iaitu hanya 6 orang sejak tahun 1963 hingga sekarang."

39. 209-101229

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

40. 217-101030

**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa dewan ini mengambil satu ketetapan untuk mengarahkan Kementerian Luar Negeri untuk mengkaji semula dasar Kerajaan dan keengganan Kerajaan menjadi anggota Mahkamah Jenayah Antarabangsa.”

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

<b>TARIKH UCAPAN DIBUAT</b>	<b>AHLI YANG BERUCAP</b>	<b>TAJUK UCAPAN</b>	<b>MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB</b>
1. 22.6.2005 (Rabu)	1. YB. Dato Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Hj. Omar [Larut]	1. Dasar Pengambilan Pekerja Asing.	1. YB. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
2. 22.6.2005 (Rabu)	2. YB. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]	2. Keadilan Yang Tertunggak Adalah Keadilan yang dinafikan.	2. YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri.